

# Singapura tolak apa juga syor dikemukakan Malaysia

UM 12 OCT 2002

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beberapa cadangan negara termasuk penubuhan Sekretariat ASEAN+3 sukar direalisasikan kerana apa sahaja cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia akan ditentang oleh Singapura.

“Apa sahaja yang datang dari Malaysia akan ditolak oleh Singapura,” tegasnya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia di Menara Berkembar Petronas Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang secara terbuka menolak cadangan Malaysia untuk menubuhkan Sekretariat ASEAN+3 pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur anjuran Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang diadakan di sini baru-baru ini.

Chok Tong memberi alasan bahawa penubuhan sekretariat itu akan menenggelamkan peranan ASEAN.

Sekretariat tersebut, katanya, hanya boleh diwujudkan apabila ASEAN cukup kukuh sebagai satu entiti untuk berdepan dengan kuasa-kuasa ekonomi dunia terutama Jepun, China dan Korea.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) juga mengalami masalah yang sama kerana tidak dipersetujui oleh Singapura.

Bagaimanapun pada masa yang sama, kata Dr. Mahathir, Singapura itu sering mempersoalkan tahap ‘persahabatan’ Malaysia dengan negara itu.

“Mereka tanya kepada kita mengapa tidak mesra dengan negaranya tetapi sikap Singapura itu yang menyebabkan tidak wujud kemesraan itu,” katanya.

Mengulas cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) supaya kerajaan menubuhkan mahkamah 24 jam termasuk pada hari Sabtu dan Ahad untuk mendengar kes-kes tertentu, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji cadangan itu.

“Kalau seseorang itu telah ditangkap pada hari cuti, apa yang hendak dibuat lagi. Kita kena bawa ke mahkamah pada hari bekerja,” katanya.